

Kesalahan Frasa Kerja

Pilih ayat yang betul.

1. a. Adik harus dapat memperoleh markah yang tinggi dalam peperiksaan itu.
 a. Adik harus dapat memperoleh yang tinggi dalam peperiksaan itu.
2. a. Nenek Sakinah amat rindu cucunya yang sudah lama tidak pulang ke kampung.
 b. Nenek Sakinah amat rindu akan cucunya yang sudah lama tidak pulang ke kampung.
3. a. Meja itu beralaskan dengan kain.
 b. Meja itu beralaskan kain.
4. a. Kakak membawa banyak anaknya ke taman untuk bersenam Bersama-sama.
 b. Kakak banyak membawa anaknya ke taman untuk bersenam Bersama-sama.
5. a. Pekerja-pekerja sedang mendalamkan sungai itu lagi supaya banjir tidak berlaku.
 b. Pekerja-pekerja sedang mendalamkan lagi sungai itu supaya banjir tidak berlaku.
6. a. Pihak ibu bapa sudah mengetahui tentang perkara itu.
 b. Pihak ibu bapa sudah mengetahui perkara itu.
7. a. Berbekalkan semangat yang ada dia meneruskan hidupnya.
 b. Berbekalkan pada semangat yang ada, dia meneruskan hidupnya.
8. a. Majalah yang sudah dibaca oleh saya telah dipulangkan kepada Ali.

- b. Majalah yang sudah saya baca telah dipulangkan kepada Ali.
9. a. Adakah latihan itu telah kamu siapkan?
 b. Adakah latihan itu telah disiapkan oleh kamu?
10. a. Tugas yang diberikan oleh Cikgu Hafizah telah kami siapkan pada minggu lepas.
 b. Tugas yang Cikgu Hafizah berikan telah disiapkan oleh kami pada minggu lepas.
11. a. Karyanya yang berasaskan konsep etika dan peradaban banyak disambut oleh golongan warga emas.
 b. Karyanya yang berasaskan dengan konsep etika dan peradaban banyak disambut oleh golongan warga emas.
12. a. Mesyuarat telah diadakan untuk membincangkan tentang masalah itu.
 b. Mesyuarat telah diadakan untuk membincangkan masalah itu.